

09/10/1997

Ahli Parlimen BN ikrar turun padang

KUALA LUMPUR, Rabu - Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) hari ini berikrar akan `turun ke padang' untuk memberi penjelasan kepada rakyat mengenai agenda media dan pengurus dana asing untuk menyalahkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha mereka `menghalalkan' serangan mereka terhadap ekonomi negara.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Ruhanie Ahmad berkata, media dan pengurus dana asing sedang cuba mengalih perhatian dunia daripada kesalahan mereka menyerang mata wang negara miskin kepada kononnya kelemahan kepimpinan negara-negara itu menjadi punca kejatuhan nilai mata wang masing-masing.

"Kita akan memberi penjelasan kepada rakyat supaya mereka tidak terpengaruh dengan dakwah itu kerana kenyataan-kenyataan Perdana Menteri mengenai kegiatan manipulasi dan spekulasi perdagangan mata wang adalah benar.

"Untuk menutup kejahatan mereka, media dan pengurus dana asing kini memburuk-burukkan Perdana Menteri dengan menuduh kejatuhan nilai ringgit berpunca daripada kelemahan kerajaan dalam menguruskan ekonomi negara," katanya selepas pertemuan hampir sejam antara Dr Mahathir dengan Ahli Parlimen BN dan senator di pejabat Perdana Menteri di Bangunan Parlimen, di sini.

Ruhanie, yang juga Ahli Parlimen Parit Sulong, berkata Ahli Parlimen BN menyatakan sokongan padu kepada Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menentang serangan itu.

Katanya, sokongan padu kepada kedua-dua pemimpin itu adalah isyarat paling tegas rakyat Malaysia kepada media dan pengurus dana asing bahawa percubaan mereka untuk mengadu-domba kepimpinan negara tidak berjaya. - Bernama

(END)